

[BERNAMA.com](#)[BERNAMA TV](#)[BERNAMA Radio](#)[BERNAMA Images](#)[MyCheck](#)[Sukan Para Asia 2022](#)[Belanjawan 2024](#)Carian 

Utama

Am

Jenayah & Mahkamah ▼Ekonomi ▼

Sukan

Politik

Fokus BERNAMA

Tinta Minda

Meta@BERNAMA

Dunia ▼Laman Korporat ▼     

Muat turun BERNAMA App

## EKONOMI

## KMI HEALTHCARE BELI 100 PERATUS KEPENTINGAN DALAM HOSPITAL BERSALIN RAZIF



23/10/2023 09:08 PM

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Bahagian penjagaan kesihatan TDM Bhd, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare) hari ini telah memeterai perjanjian penjualan saham (SSA) dengan Hospital Bersalin Razif (HBR) untuk pengambilalihan 100 peratus kepentingan ekuiti dalam HBR.

HBR merupakan hospital bersalin 35 katil dengan kehadiran lebih 20 tahun di Klang, Selangor dan selepas pengambilalihan itu, ia akan menjadi hospital keenam di bawah rangkaian KMI Healthcare melalui pengembangan pasaran sedia ada.

Pengerusi TDM Tengku Datuk Seri Farok Hussin Tengku Abdul Jalil berkata pemeteraian SSA antara KMI Healthcare dan HBR menandakan satu lagi kejayaan bagi kumpulan itu serta akan membawa lebih banyak pemangkin kepada kumpulan untuk terus berkembang maju.

"KMI Healthcare berbangga menjadi salah satu bahagian perniagaan yang paling pesat berkembang di bawah sayap pelaburan TDM," katanya semasa Majlis Makan Malam Penghargaan KMI Healthcare 2023 hari ini.

KMI Healthcare kini menguruskan lima hospital pakar komuniti yang terletak di Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Terengganu dan Sabah.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).*

*Ikuti kami di media sosial :*

*Facebook : @bernamaofficial, @bernamatv, @bernamaradio*

*Twitter : @bernama.com, @BernamaTV, @bernamaradio*

*Instagram : @bernamaofficial, @bernamatvofficial, @bernamaradioofficial*

*TikTok : @bernamaofficial*

## Kata Kunci

[tdm](#) [kmi healthcare](#)[pengambilalihan](#)

## Berita Berkaitan



MAYBANK BELI 80 PERATUS SAHAM MAMG DARIPADA PNB PADA HARGA RM70.39 JUTA



CADANGAN PENGAMBILALIHAN GREAT EASTERN UNTUK PERTINGKAT KEDUDUKAN PASARAN DI MALAYSIA - S&P



MBSB SELESAI PENGAMBILALIHAN MIDF RM1.01 BILION

## Lagi Berita



MANGSA BANJIR DI PERAK MENINGKAT HARI INI



LEBIH 5,795 MAUT, 18,000 CEDERA AKIBAT PENGEBOMAN DI TEBING BARAT DAN SEMENANJUNG GAZA



KELANTANGAN ANWAR TERHADAP PALESTIN CIRI PENTING HUBUNGAN ANTARABANGSA MALAYSIA

## BERNAMA

## Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

+603 2693 9933 / +603 2631 1000 (Talian Am)  
+601 6415 2766 (Bernama.com)  
+603 2631 1535 / 1252 (Wires/Editorial)  
+603 2631 1112 (Digital Services)  
+603 2631 1123 (PR/MREM Services)  
+603 2631 1510 (News & Photo Subscription)  
+603 2631 1447 (Bernama TV)  
+603 2692 9739 (Bernama Radio)  
helpdesk[at]bernama.com



## Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- Fokus BERNAMA
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

## Laman Mikro

- Sukan Para Asia 2022
- Belanjawan 2024
- HAWANA 2023
- Kesihatan
- Sarawak Tok

## Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

## Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender
- Maklum Balas Pelanggan 2023